Agar Takwa Tidak Bermusim



Dr. Yusuf al-Qaradawi
Diterjemah oleh Syazwan Hakim

impress

Agar Takwa
Tidak *Bermusim*

Sheikh Dr. Yusuf al-Qaradawi

Diterjemah oleh Syazwan Hakim

IMPRESS
2026

Diterbitkan

impress

Alamat No 6, Jalan Dagang SB 4/1, Taman Sungai Besi Indah, 43300 Seri Kembangan, Selangor
Email ikrammudapusat@gmail.com
Tajuk Agar Takwa Tidak Bermusim
Karya Asal *Shahru Intiṣār al-Insān; Kun Rabbāniyyan Wa Lā Takun Ramaḍāniyyan*
Penulis Sheikh Dr. Yusuf al-Qaradawi
Penterjemah Syazwan Hakim
Penyunting Usaid Asmadi
Pembaca Pruf Nazurah Mansor
Reka Kulit Nawal Irdina
Reka Letak Abu Haura'

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana isi kandungan daripada buku ini bagi tujuan jualan dalam apa-apa bentuk dan cara tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit.
Ebook ini diedarkan secara percuma dan terbuka.

IMPRESS adalah rumah penerbitan komersial di bawah IKRAM Muda Malaysia.

Makna Reka Kulit

1. Bulan

Bulan menjadi lambang Ramadhan yang merupakan musim ibadah yang dinanti. Namun ia juga mengingatkan umat Islam akan waktu yang sentiasa berlalu. Bahawasanya ketakwaan tidak seharusnya hanya bersinar pada bulan ini sahaja.

2. Langit, Ombak & Bunga

Langit yang luas, ombak di lautan, serta bunga-bunga yang tumbuh mekar melambangkan perjalanan masa. Musim pasti akan silih berganti tetapi usaha pengislahan diri tetap hidup di hati – sehingga mati.

3. Al-Quran pada halaman 28, Surah Al Baqarah, Ayat 183

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُتِبَ عَلَيۡكُمُ ٱلصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَتَّقُونَ

Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.

4. كن ربنيا ولا تكن رمضانيا

Nota kecil sebagai renungan dan pesanan jelas. Jadilah hamba kepada Tuhan sepanjang waktu, bukan hanya ketika di bulan Ramadhan.

5. Saf Solat

Solat yang dipimpin imam melambangkan kesatuan dan perjalanan menuju takwa itu bukan hanya eksklusif pada perjalanan peribadi, tetapi juga perjalanan umat.


لكن ربنا
ولا تكن
رضانيا

MUKADIMAH PENTERJEMAH

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana telah diwajibkan ke atas orang-orang sebelum kamu, agar kamu bertakwa."
(Surah al-Baqarah: 183)

Ayat ini sering kita dengar setiap kali Ramadan menjelma. Namun persoalannya, sejauh mana kita benar-benar merenung maknanya?

Ramadan bukan sekadar bulan menahan lapar dan dahaga, bukan juga musim ritual yang datang dan pergi tanpa kesan jangka panjang terhadap jiwa dan perilaku. Ia adalah projek

besar pembinaan insan. Satu proses tarbiah dari Allah yang bertujuan untuk melahirkan manusia yang bertakwa secara berterusan, bukan manusia yang beragama secara bermusim.

Makalah yang diberi tajuk "*Agar Takwa Tidak Bermusim*" ini adalah risalah asal yang bertajuk, "*Bulan Kemenangan Insan: Jadilah Seorang Yang Rabbani, Bukan Sekadar Penyembah Ramadan*". Ia merupakan merupakan sebuah renungan mendalam karya Sheikh Dr Yusuf al-Qaradawi, seorang tokoh besar dari kalangan ulama Islam kontemporari. Beliau menyorot hakikat Ramadan sebagai medan kemenangan roh ke atas jasad, iman ke atas nafsu, dan kesedaran ke atas kelalaian. Penulis mengajak kita keluar daripada kefahaman sempit yang melihat Ramadan sebagai ritual tahunan kepada kefahaman luas yang melihatnya sebagai latihan kehidupan.

Melalui makalah ini, pembaca dibimbing untuk memahami bahawa manusia diciptakan dengan dua unsur iaitu tanah dan roh. Gabungan daripada kedua-duanya lahirlah naluri serta kecenderungan semula jadi yang membentuk tingkah laku manusia.

Agama datang bukan untuk mematikan naluri seperti naluri makan, minum dan keinginan jasmani, tetapi untuk mengarahkannya agar selaras dengan nilai dan tujuan yang lebih tinggi. Bukan untuk menafikan keperluan dunia, tetapi untuk menundukkannya kepada nilai. Puasa dalam kerangka ini, bukan sekadar ibadah menahan diri, tetapi jihad rohani secara sedar dan sukarela.

Lebih penting, makalah ini menegur satu penyakit lama yang terus berulang dalam kehidupan umat iaitu beriman secara bermusim. Iman itu hanya hidup di bulan Ramadan, tetapi layu sebaik sahaja bulan ini berlalu.

Di sinilah lahirnya seruan yang tegas, namun penuh kasih: Jadilah seorang yang menyembah Tuhan, bukan penyembah Ramadan.

Terjemahan ini diusahakan dengan mengekalkan roh teks asal dan disesuaikan dengan keperluan pembaca kontemporari agar mesej bulan Ramadan sebagai madrasah kehidupan, kem latihan iman, dan musim perubahan diri dapat dirasai bukan sahaja pada bulan ini, tetapi terus hidup sepanjang tahun.

Mudah-mudahan makalah kecil ini menjadi peringatan, dorongan dan cermin muhasabah bahawa kemenangan sebenar insan bukan pada berlalunya Ramadan, tetapi pada kesan yang ditinggalkannya dalam jiwa.

والله وليّ التوفيق, وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وبارك وسلم تسليما كثيرا, وآخر دعوانا أن الحمد لله رب العالمين

Muhammad Syazwan Hakim bin Jamil
Kundang Ulu, Tangkak, Johor
20 Sya'aban 1447H / 8 Februari 2026M

PROFIL PENULIS



Sheikh Dr Yusuf al-Qaradawi (1926 – 2022)

Sheikh Dr Yusuf al-Qaradawi merupakan salah seorang ulama, pemikir dan intelektual Islam paling berpengaruh pada abad ke-20 dan awal abad ke-21. Beliau dikenali sebagai tokoh yang menggabungkan keilmuan tradisi Islam dengan kepekaan terhadap realiti kontemporari khususnya dalam bidang fiqh, pemikiran Islam, dakwah dan isu-isu kemasyarakatan.

Beliau dilahirkan pada 9 September 1926 di desa *Saft Turab*, di Delta Sungai Nil, Mesir. Sejak kecil, beliau telah menunjukkan kecemerlangan yang luar biasa dalam pengajian agama, menghafaz al-Qur'an pada usia muda dan menekuni ilmu-ilmu Islam secara serius. Pendidikan formalnya di Universiti al-Azhar, Kaherah, sebuah institusi keilmuan Islam tertua dan paling berprestij di dunia Islam Sunni. Beliau memperoleh ijazah 'Ālimiyyah dan seterusnya meraih Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

Sepanjang hayatnya, Sheikh Dr Yusuf al-Qaradawi tampil sebagai sarjana yang prolifik. Beliau menghasilkan lebih daripada seratus buah karya dalam pelbagai disiplin ilmu Islam. Antaranya dalam bidang fiqh ibadat, muamalat, pemikiran Islam, etika, dakwah, ekonomi Islam, politik Islam dan isu-isu umat semasa. Karya-karya beliau bukan sahaja menjadi rujukan ilmiah, malah digunakan secara meluas dalam pengajian, khutbah, kuliah dan wacana awam di seluruh dunia Islam.

Beliau juga terkenal sebagai tokoh yang menekankan konsep *wasatiyyah* (kesederhanaan

Islam) iaitu pendekatan yang berpegang teguh pada prinsip syariat, namun tidak terpisah daripada realiti kehidupan moden. Pendekatan inilah yang menjadikan pemikirannya berpengaruh.

Di peringkat antarabangsa, Sheikh Dr Yusuf al-Qaradawi pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Kesatuan Ulama Muslim Sedunia (I*nternational Union of Muslim Scholars*). Beliau juga dikenali oleh jutaan umat Islam melalui rancangan televisyen *al-Sharīʿah wa al-Ḥayāh* di saluran Al-Jazeera yang membincangkan persoalan agama dan kehidupan secara langsung dan terbuka.

Beliau wafat pada 26 September 2022 di Doha, Qatar, pada usia 96 tahun dan telah meninggalkan warisan intelektual yang besar dan berpanjangan; yang terus dibaca, dikaji dan diperdebatkan hingga ke hari ini.

Karya Terpilih Yusuf al-Qaradawi dalam Bahasa Melayu

Antara karya penting beliau yang telah diterjemahkan dan diterbitkan dalam Bahasa

Melayu, serta mendapat sambutan luas di Malaysia dan Nusantara, ialah:

1. Halal dan Haram dalam Islam

   Terjemahan karya terkenal *Al-Halāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*, membincangkan prinsip halal-haram dalam kehidupan peribadi, sosial dan kontemporari umat Islam.

2. Fatwa Kontemporari

   Terjemahan siri *Fatāwā Muʿāṣirah* menghimpunkan pandangan fiqh beliau terhadap pelbagai isu semasa seperti perubatan, ekonomi, politik, sosial dan kemasyarakatan.

3. Fiqh Keutamaan (*Fiqh al-Awlawiyyāt*)

   Sebuah karya penting yang menekankan prinsip menyusun prioriti dalam beramal agar umat Islam tidak terjebak dalam perkara cabang sehingga mengabaikan yang lebih utama.

4. Fiqh Jihad

   Karya berskala besar yang menghuraikan konsep jihad secara ilmiah dan menyeluruh, serta membezakan antara jihad syar'i dan keganasan yang menyalahi prinsip Islam.

5. Fiqh Hiburan dan Rekreasi

   Membincangkan batasan, etika dan falsafah hiburan dalam Islam, termasuk seni, budaya dan aktiviti rekreasi.

6. Fiqh Zakat

   Sebuah rujukan fiqh zakat yang komprehensif, sering digunakan oleh institusi zakat dan pengkaji ekonomi Islam di Malaysia.

7. Fiqh Negara (*Fiqh al-Dawlah*)

   Membicarakan konsep kenegaraan, kewarganegaraan dan hubungan antara negara, syariah dan masyarakat dalam kerangka Islam.

“Sesiapa yang menyembah Ramadan, maka sesungguhnya Ramadan akan berlalu; dan sesiapa yang menyembah Allah, maka sesungguhnya Allah Maha Hidup dan tidak akan mati. Seburuk-buruk kaum ialah mereka yang hanya mengenal Allah pada bulan Ramadan.”

AGAR TAKWA TIDAK BERMUSIM

Dr. Yusuf al-Qaradawi

Manusia dan Misi Agama

Manusia ialah makhluk yang menakjubkan. Allah menciptakannya dengan dua unsur yang saling bergandingan iaitu unsur material yang bersifat tanah dan unsur rohani yang bersifat samawi. Dalam dirinya ada tanah dan lumpur hitam yang dibentuk. Juga dalam dirinya ada roh yang Allah tiupkan.

Hakikat ini dapat dilihat dengan jelas pada penciptaan manusia yang pertama iaitu Adam AS yang merupakan bapa bagi sekalian manusia. Sebagaimana Allah SWT berfirman:

إِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّى خَٰلِقٌۢ بَشَرًا مِّن طِينٍ (٧١) فَإِذَا سَوَّيْتُهُۥ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِى فَقَعُوا۟ لَهُۥ سَٰجِدِينَ (٧٢)

"(Ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku akan menciptakan seorang manusia

daripada tanah. Maka apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya dan Aku tiupkan ke dalamnya roh (ciptaan)-Ku, maka tunduklah kamu kepadanya dengan bersujud." (Surah Ṣād: 71–72)

Kemuliaan Adam AS dan sebab para malaikat diperintahkan sujud kepadanya bukanlah kerana unsur tanahnya. Tetapi kerana tiupan roh yang Allah anugerahkan ke dalam dirinya.

Penciptaan insan yang bersifat dua unsur ini adalah suatu ketetapan yang disengajakan oleh Pencipta manusia kerana manusia itu diciptakan untuk hidup dalam dua alam: alam kebendaan dan alam kerohanian. Manusia itu berinteraksi dengan bumi, dan pada masa yang sama berhubung dengan langit.

Manusia memerlukan apa yang keluar dari bumi untuk dimakan, diminum, dipakai dan dijadikan keperluan hidup.

Allah SWT berfirman:

وَمَا جَعَلْنَاهُمْ جَسَدًا لا يَأْكُلُونَ الطَّعَامَ وَمَا كَانُوا خَالِدِين

"Dan Kami tidak menjadikan mereka (para rasul itu) sebagai jasad yang

tidak memakan makanan, dan mereka pula bukanlah makhluk yang kekal."
(Surah al-Anbiyā': 8)

Pada masa yang sama, manusia juga memerlukan apa yang turun dari langit, iaitu wahyu Allah agar dia dapat mendaki tangga pengenalan kepada Allah, memahami kebenaran, mencintai kebaikan, menikmati keindahan dan melaksanakan amal-amal soleh.

Oleh sebab itu, manusia telah dibekalkan dengan naluri-naluri yang membantunya memakmurkan bumi dan menikmati kurniaan-kurniaan yang baik di dalamnya. Manusia juga telah dianugerahkan dengan keupayaan-keupayaan rohani yang mengangkat martabatnya dan menghubungkan dirinya dengan Tuhan Yang Maha Tinggi.

Namun, naluri dan keinginan nafsu yang terikat dengan unsur tanah dalam diri manusia boleh menjatuhkan kemuliaannya sehingga dia menjadi seperti haiwan ternak, bahkan lebih buruk daripada itu.

Keupayaan dan kerinduan rohani yang ada dalam dirinya pula mampu mengangkat martabatnya.

Ia boleh mengangkat kedudukannya sehingga dia dapat menyertai para malaikat yang dekat di sisi Allah. Bahkan boleh mengatasi sebahagian daripada para malaikat melalui perjuangan dan mujahadahnya.

Maka, misi agama ini ialah mengangkat dimensi kerohanian dalam diri insan agar mengatasi dimensi kebendaan supaya cengkamannya tidak menguasai tiupan roh.

Namun hal ini bukan perkara yang mudah. Unsur tanah mempunyai tekanan dan bebanannya tersendiri ke atas manusia melalui keperluan asas kehidupan, kemahuan tambahan, dan dorongan keinginan. Tabiat jiwa pula cenderung untuk mengikuti hawa nafsu dan merasa berat untuk menempuh jalan kebenaran.

Oleh sebab itu, manusia tidak mempunyai pilihan selain bermujahadah melawan dirinya sendiri dengan senjata kesabaran dan senjata keyakinan sehingga dia layak mencapai kepimpinan dalam agama.

Sebagaimana firman Allah SWT:

وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا لَمَّا صَبَرُوا وَكَانُوا

بِآيَاتِنَا يُوقِنُون

"Dan Kami jadikan daripada kalangan mereka pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami, ketika mereka bersabar dan mereka benar-benar meyakini ayat-ayat Kami." (Surah al-Sajdah: 24)

Dengan kesabaran, manusia melawan syahwat dan dengan keyakinan, dia menangkis syubhat sehinggalah dia dianugerahkan petunjuk Ilahi yang sentiasa didambakan oleh insan-insan yang soleh.

Sebagaimana firman-Nya lagi:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِين

"Dan orang-orang yang bersungguh-sungguh berjuang di jalan Kami, pasti Kami akan tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami; dan sesungguhnya Allah benar-benar bersama orang-orang yang berbuat ihsan."(Surah al-ʿAnkabūt: 69)

Puasa: Antara Medan Terbesar Jihad Rohani

Islam telah mensyariatkan beberapa wasilah bagi membantu manusia menundukkan unsur kebendaan dalam dirinya. Antara wasilah yang paling utama ialah ibadah-ibadah bersifat syiar yang dijadikan sebagai rukun-rukun Islam iaitu solat, puasa, zakat dan haji.

Melalui ibadah-ibadah inilah manusia dilatih untuk mengatasi cengkaman unsur kebendaan dalam dirinya yang didorong oleh nafsu. Seterusnya meneguhkan kemenangan unsur kerohanian.

Puasa merupakan antara medan jihad rohani yang paling agung bagi manusia dalam Islam. Melaluinya, manusia menahan diri secara sukarela daripada makan, minum dan pelbagai keinginan nafsu, termasuk dorongan seksual demi mencari keredhaan Allah SWT.

Manusia menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang diinginginya dengan kesedaran sendiri. Dia tidak menghulurkan tangan walaupun semuanya mudah dicapai dan berada di hadapannya.

Dia berlapar, sedangkan di sisinya tersedia makanan yang lazat.

Dia kehausan, sedangkan di hadapannya ada air yang sejuk.

Dia tidak mendekati isterinya, walaupun isterinya berada di sisinya.

Dia tidak menghisap rokok, walaupun kotaknya berada di dalam poketnya.

Sesungguhnya, ini adalah ujian yang sebenar terhadap tahap keimanan manusia dan kekuatan kehendaknya.

Orang yang beriman, pasti akan berjaya menghadapi ujian yang sukar ini. Dia mencapai ketinggian rohani yang dipilih dengan penuh kesedaran. Hal ini telah menjadi bukti kemenangan insan.

Ketika roh mengatasi tanah.

Ketika kerinduan jiwa yang mendaki menewaskan naluri jasad yang menurun.

Ketika kehendak manusia mengalahkan dorongan kebinatangan.

Antara perbezaan asas antara manusia dan haiwan ialah haiwan melakukan apa sahaja yang diinginginya pada bila-bila masa, di mana sahaja dan dalam apa jua keadaan. Ia tidak memiliki akal yang menghalang, tidak mempunyai agama yang menegur dan tidak ada nurani yang menahan.

Jika haiwan itu mahu membuang air, maka ia akan melakukannya di jalan, di rumah atau di mana sahaja. Jika haiwan itu mahu makan dan ada sesuatu yang boleh dimakan di hadapannya, maka tiada apa yang menghalangnya kerana segalanya adalah halal baginya.

Manusia pula adalah makhluk yang boleh mengawal nalurinya dengan menundukkan pilihan perbuatannya kepada akal dan agama sehingga dia mampu menyerupai para malaikat. Lalu meninggalkan makan, minum dan mendekati pasangan secara sukarela dan penuh sedar semata-mata mengharapkan ganjaran Allah SWT.

Dia telah mengangkat kemuliaan dirinya daripada menjadi hamba kepada hawa nafsu yang membelenggu. Merekalah – yang menjadikan nafsu sebagai tuan – yang pernah

ditegur oleh penyair Abu al-Fath al-Busti sejak dahulu dalam bait puisinya:

يا خادم الجسم كم تسعى لخدمته **

أتطلب الربح مما فيه خسران ؟!

أقبل على الروح واستكمل فضائلها **

فأنت بالروح لا بالجسم إنسان!

Wahai hamba jasad, berapa lama engkau ingin terus berkhidmat kepadanya?

Apakah engkau mengharapkan keuntungan daripada sesuatu yang jelas merugikan?

Berpalinglah kepada roh, dan sempurnakanlah keutamaannya,

Kerana dengan roh, bukan dengan jasad, engkau menjadi manusia.

Oleh sebab itulah, Allah SWT mengkhususkan ibadah puasa sebagai milik-Nya sebagaimana dinyatakan dalam sebuah hadis qudsi:

كل عمل ابن آدم له إلا الصوم ، فإنه لي ، وأنا أجزي به ، يدع طعامه من أجلي ، ويدع شرابه من أجلي ، ويدع زوجته من أجلي ، ويدع شهوته من أجلي

"Setiap amalan anak Adam adalah untuknya, kecuali puasa. Sesungguhnya puasa itu milik-Ku, dan Aku sendiri yang akan membalasnya. Dia meninggalkan makanannya kerana-Ku, meninggalkan minumannya kerana-Ku, meninggalkan isterinya kerana-Ku, dan meninggalkan syahwatnya kerana-Ku."

Bulan Penyucian

Manusia memilih untuk meninggalkan kelazatan dan keinginan nafsunya kerana Allah semata-mata. Dia berpuasa selama sebulan penuh dari terbitnya fajar hingga terbenamnya matahari dengan penuh keimanan dan pengharapan kepada ganjaran daripada Allah.

Maka, bulan ini telah menjadi bulan penyucian bagi dirinya. Dia membersihkan diri daripada kekotoran dosa-dosa yang mungkin sepanjang

tahun telah mencemari perjalanan hidupnya. Bulan puasa ini telah menjadi sebuah tempat mandi rohani yang dimasuki oleh manusia untuk membersihkan diri daripada noda-noda kesalahan yang lalu. Kemudian, dia keluar dalam keadaan yang bersih dan suci.

Hakikat inilah yang digambarkan oleh hadis Nabi SAW:

من صام رمضان إيمانًا واحتسابًا غُفِر له ما تقدم من ذنبه

"Sesiapa yang berpuasa pada bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan ganjaran, diampunkan baginya dosa-dosanya yang telah lalu."

Jika solat lima waktu itu ibarat tempat mandi harian yang digunakan oleh seorang Muslim untuk membersihkan diri lima kali setiap hari, maka puasa di bulan Ramadan pula ialah tempat mandi tahunan yang melengkapkan proses penyucian yang dilakukan oleh solat lima waktu.

Hakikat ini menegaskan kepada kita bahawa bulan Ramadan bukan sekadar bulan berpuasa. Ia adalah berpuasa di siang hari dan berdiri

beribadah di malam hari. Pada bulan inilah masjid-masjid dipenuhi dengan para jemaah yang menghidupkan malam melalui solat tarawih.

Hal ini ada juga sabda dari Nabi SAW:

ومن قام رمضان إيمانًا واحتسابًا غُفِر له ما تقدم من ذنبه

"Sesiapa yang menghidupkan malam-malam Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan ganjaran,diampunkan baginya dosa-dosanya yang telah lalu."

Alangkah indah dan mulianya kehidupan seorang mukmin apabila siangnya diisi dengan puasa dan malamnya dihidupkan dengan qiam. Jiwanya dilimpahi kelazatan rohani yang tidak mampu dirasai oleh mereka yang hijabnya terlalu tebal dan tidak difahami oleh mereka yang terpenjara dalam keinginan kebendaan.

Mereka terhalang daripada kebahagiaan rohani ini. Sebuah kebahagiaan yang pernah digambarkan oleh sebahagian ahlinya dengan ungkapan:

نحن نعيش في سعادة لو علم بها الملوك
لجالدونا عليها بالسيوف

"Sesungguhnya kami hidup dalam suatu kebahagiaan. Jika para raja mengetahuinya, pasti mereka akan memerangi kami dengan pedang demi memilikinya!"

Mujur para raja dan pembesar tidak mengetahui nilai kebahagian rohani ini. Kebahagiaan itu dibiarkan menjadi milik mereka – para pencitan kebahagian rohani – untuk dinikmati sendiri; tanpa persaingan dan tanpa gangguan.

Mengingati Nikmat-Nikmat Allah

Pada bulan Ramadan, seorang Muslim akan merasai besarnya nikmat Allah berikan ketika dalam rasa kenyang dan hilangnya dahaga. Perasaan yang terbiasa dengan nikmat sering kali menghilangkan penghargaan manusia terhadap nilainya. Bahkan banyak nikmat hanya dirasai apabila ia hilang dari kita.

Kerana itulah dikatakan bahawa kesihatan itu ibarat mahkota di atas kepala orang yang sihat.

Nilainya tidak disedari kecuali oleh orang yang sakit.

Ketika seseorang menahan diri sepanjang siang hari daripada makan hingga digigit rasa lapar, dan daripada minum hingga dicengkam rasa dahaga, dia akan merasai nikmatnya makan dan minum yang sebenar apabila tiba waktu maghrib ketika dia menghilangkan lapar dan dahaga.

Lalu dia mengucapkan pujian kepada Allah SWT:

ذهب الظمأ ، وابتلَّت العروق ، وثبت الأجر إن شاء الله

"Telah hilang dahaga, telah dibasahi urat-urat dan telah tetap ganjaran, insya-Allah."

Pada saat itu juga, manusia secara fitrah akan merasai sebuah kegembiraan apabila dihalalkan apa yang telah dilarang sepanjang waktu berpuasa. Inilah yang diungkapkan oleh Rasulullah SAW melalui sabdanya:

للصائم فرحتان يفرحهما: إذا أفطر فرح بفطره ، وإذا لقي ربه فرح بصومه

"Bagi orang yang berpuasa itu ada dua kegembiraan yang menggembirakannya: dia bergembira ketika berbuka dan dia bergembira dengan puasanya ketika bertemu Tuhannya."

Bulan Empati dan Keprihatinan

Melalui puasa juga, manusia merasai penderitaan orang lain dengan merasai kosongnya perut mereka yang kelaparan dan merasai peritnya hidup mereka yang serba kekurangan. Apabila dia sendiri merasai pahitnya lapar dan panasnya dahaga, hatinya pun menjadi lembut terhadap sesama manusia dan tangannya terbuka untuk memberi.

Oleh sebab itu, bulan Ramadan dikenali sebagai bulan kebersamaan, kebajikan, kebaikan dan sedekah. Rasulullah SAW pada bulan Ramadan adalah manusia yang paling pemurah. Kedermawanannya lebih pantas daripada

angin yang berhembus kencang sebagaimana diriwayatkan oleh Abdullah ibn Abbas ra[1].

Diriwayatkan juga tentang Nabi Yusuf AS bahawa baginda tidak pernah makan hingga benar-benar kenyang walaupun di tangannya tersimpan perbendaharaan bumi Mesir. Apabila ditanya, baginda menjawab:

أخشى إذا شبعت أن أنسى جوع الفقراء!

"Aku khuatir jika aku kenyang, aku akan melupakan kelaparan orang-orang fakir."

Sesungguhnya, bulan Ramadan adalah bulan yang unik dalam hidup seorang Muslim pada sisi kehidupan individu, keluarga dan masyarakat Islam seluruhnya.

Aku menamakan bulan Ramadan ini sebagai "musim bunga kehidupan umat Islam". Seluruh kehidupan manusia diperbaharui. Akal

1 Pent: Matan hadis yang dirujuk adalah: *"Rasulullah SAW adalah manusia yang paling pemurah dalam melakukan kebaikan. Baginda menjadi lebih pemurah pada bulan Ramadan ketika malaikat Jibril menemuinya. Jibril datang setiap malam dalam bulan Ramadan untuk bertadarus al-Qur'an bersama Baginda. Maka Rasulullah SAW lebih pemurah daripada kelajuan angin yang bertiup kencang dalam melakukan kebaikan. (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)*

diperbaharui dengan ilmu dan pengetahuan, hati diperbaharui dengan iman dan takwa, masyarakat diperbaharui dengan ikatan dan silaturahim, dan azam diperbaharui dengan berlumba-lumba melakukan kebaikan.

Dorongan untuk melakukan kebaikan semakin banyak, manakala sebab-sebab kejahatan dilakukan semakin berkurangan. Di bulan ini, para malaikat kebaikan menghalau syaitan-syaitan kejahatan.

Hakikat ini digambarkan oleh sabda Rasulullah SAW:

إذا جاء رمضان فتحت أبواب الجنة، وغلقت أبواب جهنم، وصفدت الشياطين

"Apabila datang bulan Ramadan, dibukakan pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka dan dibelenggu syaitan-syaitan."

Dalam riwayat lain disebutkan:

ونادى منادٍ: يا باغِي الخير أقبل ، ويا باغي الشر أقصر

"Dan seorang penyeru akan menyeru: 'Wahai pencari kebaikan, marilah

ke hadapan; dan wahai pencari kejahatan, berhentilah!'"

Penghormatan besar telah diberikan dari langit ketika kedatangan bulan Ramadan ini. Dibukanya pintu-pintu syurga, ditutupnya pintu-pintu neraka dan dibelenggunya setiap syaitan. Hal ini menjadi bukti jelas bahawa bulan ini memiliki kedudukan yang sangat mulia dan membawa misi besar dalam kehidupan umat Islam.

Misi itulah yang dinyatakan oleh al-Quran sebagai persiapan kolektif umat beriman menuju takwa. Sebagaimana firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana telah diwajibkan ke atas orang-orang sebelum kamu, agar kamu bertakwa." (Surah al-Baqarah: 183)

Sesiapa yang memerhatikan kehidupan umat Islam setiap tahun sebelum kedatangan dan selepas pemergian bulan Ramadan, pasti akan

sampai kepada sebuah kesimpulan. Kebaikan dan amal soleh berkembang subur pada bulan ini, sementara keburukan dan jenayah menyusut dengan ketara.

Oleh sebab itu, para pendakwah dan khatib bersungguh-sungguh pada hari-hari terakhir bulan Ramadan untuk menggalakkan orang ramai agar meneruskan niat-niat baik dan azam yang tulus dalam melakukan kebaikan-kebaikan yang terbaik dan berterusan.

Tidak jarang kita mendengar mereka berkata dalam khutbah dan pengajian:

من كان يعبد رمضان فإن رمضان قد مات ، ومن كان يعبد الله فإن الله حي لا يموت. بئس القوم قوم لا يعرفون الله إلا في رمضان ، كن ربَّانيًّا ، ولا تكن رمضانيًّا!

"Sesiapa yang menyembah Ramadan, maka sesungguhnya Ramadan akan berlalu; dan sesiapa yang menyembah Allah, maka sesungguhnya Allah Maha Hidup dan tidak akan mati. Seburuk-buruk kaum ialah mereka yang hanya mengenal Allah pada bulan Ramadan. Jadilah seorang yang Rabbani dan

jangan sekadar menjadi penyembah Ramadan."

Sungguh menghairankan betapa besarnya pengaruh bulan ini terhadap sebahagian manusia. Sebahagian daripada mereka yang telah terputus hubungan dengan Allah – Tuhan mereka, Pencipta mereka dan Pemberi rezeki mereka – telah kembali kepada-Nya pada bulan Ramadan. Mereka kembali mengenali masjid, kembali membaca al-Quran dan sebahagian daripada mereka berpuasa sepanjang Ramadan walaupun belum lagi mendirikan solat.

Namun… Bagaimana Kita Menyambutnya?

Engkau dapat melihat kesan kehadiran bulan Ramadan ini jelas terpancar dalam ruang media massa. Pada bulan yang mulia ini, media seolah-olah malu untuk menayangkan perkara-perkara yang melalaikan seperti lagu-lagu, filem, drama, siri dan pementasan sebagaimana dalam bulan-bulan yang lain.

Sebaliknya, media massa menyediakan program-program khas untuk bulan Ramadan yang menyuburkan roh, menyemai iman,

mengangkat nilai, menyucikan jiwa dan mengekang kekejian, kemungkaran serta kezaliman.

Namun, tidak dinafikan bahawa terdapat juga unsur bidaah yang telah mendapat tempat tanpa sebarang sandaran daripada Allah iaitu apa yang dinamakan sebagai "Fawāzīr Ramadan[2]".

Rancangan ini telah lama dikritik oleh para ulama dan cendekiawan. Mereka menegaskan bahawa Ramadan tidak ada kaitan dengannya dan tidak wajar sama sekali disandarkan kepada bulan yang mulia ini.

Kesan bulan Ramadan ini juga dapat dirasakan dan disaksikan dalam kehidupan sosial. Institusi keluarga menjadi lebih utuh kerana mereka

2 **Fawāzīr Ramadan** merujuk kepada satu rancangan hiburan yang popular di dunia Arab (khususnya di Mesir). Ia disiarkan sepanjang bulan Ramadan dalam bentuk yang menggabungkan teka-teki (fawāzīr), lakonan, nyanyian dan tarian. Rancangan ini menjadi antara hiburan utama selepas waktu berbuka dan mencapai kemuncaknya sekitar tahun 1970-an hingga 1990-an melalui persembahan artis dengan elemen kostum mewah, muzik dan tarian. Ia dikritik oleh sebahagian ulama kerana tiada sandaran sebagai amalan ibadah, melalaikan daripada tujuan Ramadan dan sesetengah bentuknya mengandungi unsur hiburan berlebihan. Maka, rancangan ini dianggap sebagai amalan bidaah apabila dinisbahkan sebagai "pengisian Ramadan".

berbuka dan bersahur bersama. Hubungan masyarakat pula semakin erat dimana manusia saling menziarahi serta saling menjemput untuk berbuka puasa.

Golongan fakir pula merasakan bahawa kehidupan mereka pada bulan ini lebih baik dan lebih lapang berbanding bulan-bulan yang lain.

Hal ini kerana hidangan berbuka telah disediakan oleh golongan yang berada untuk mereka yang memerlukan demi meraih pahala memberi makan orang berpuasa.

Gerakan kebajikan juga semakin subur dengan bantuan-bantuan yang diberikan oleh insan-insan dermawan sama ada melalui zakat wajib yang ramai memilih untuk menunaikannya pada bulan Ramadan, atau melalui sedekah sunat yang mana masyarakat berlumba-lumba untuk melakukannya pada bulan yang penuh keberkatan ini.

Alangkah besarnya keperluan umat ini untuk benar-benar memanfaatkan Ramadan.

Ia adalah musim untuk orang-orang yang bertakwa, pasar buat orang-orang yang

soleh, medan mereka yang berlumba-lumba melakukan kebaikan dan tempat penyucian bagi orang-orang yang ingin kembali bertaubat.

Disebabkan itulah apabila datangnya bulan Ramadan, para salaf akan berkata: Selamat datang wahai penyuci!

Bulan Ramadan ialah peluang untuk membersihkan diri daripada dosa dan kesalahan. Juga peluang untuk menambah bekalan amal soleh dan kebaikan.

Maka, jadikanlah bulan Ramadan ini sebagai sebuah 'kem latihan iman' untuk menggerakkan potensi, menggembleng kehendak, menguatkan azam, menajamkan tekad dan menyemarakkan dorongan dengan usaha yang berterusan hingga mencapai cita-cita besar dan menukar impian menjadi kenyataan.

Sekaligus menterjemahkan mimpi menjadi realiti kehidupan.

Mustafa Sadiq al-Rafi'i – semoga Allah merahmati sasterawan besar bahasa dan Islam – pernah berkata:

لو أنصفك الناس يا رمضان لسمَّوك (مدرسة الثلاثين يومًا)!

"Andai manusia berlaku adil terhadapmu wahai Ramadan, nescaya mereka akan menamakanmu: 'Sekolah Tiga Puluh Hari'."

Kod QR Makalah Asal

Shahru Intiṣār al-Insān; Kun Rabbāniyyan Wa Lā Takun Ramaḍāniyyan

